


LIMA PENCABAR UTAMA

Lewis Hamilton, 29 tahun

England, Mercedes
Perlumbaan: 129
Kejuaraan dunia: 2008
Musim lalu: 4



Selepas sesi ujian yang cemerlang, Hamilton ialah pilihan ramai merangkul kejuaraan dunia tahun ini.

Berebak kereta Mercedes yang pantas dan bakat semula jadi mengemudi kenderaan dengan laju melalui selekoh demi selekoh, Hamilton dijangka mendahului kejuaraan musim ini dari peringkat awal.

Namun sifatnya yang kurang selesa menerima dan mematuhi arahan pasukan semasa perlumbaan mungkin menjejaskan peluangnya musim ini kerana perubahan pada kenderaan dari segi enjin dan tayar memaksa pemandu agar sentiasa berhubung dengan pasukan menerusi radio.

Jenson Button, 34 tahun

England, McLaren
Perlumbaan: 247 sejak 2000
Menang: 15
Kejuaraan dunia: 2009
Musim lalu: 9



Bekas juara dunia 2009 ini dijangka meraih manfaat perubahan kepada enjin dan tayar kerana beliau memiliki cara memandu yang 'licin' dan tidak tergesa-gesa.

Button dipercayai dapat menggunakan kuasa tambahan daripada enjin V6 dengan lebih berkesan, dan memperbaiki kedudukannya di tangga kesembilan musim lalu.

Fernando Alonso, 32 tahun

Sepanyol, Ferrari
Perlumbaan: 216 sejak 2001
Menang: 32
Kejuaraan dunia: 2005, 2006
Musim lalu: 2



Aset terhebat yang dimiliki Alonso ialah keupayaannya menyesuaikan diri kepada keadaan baru dengan lebih cepat daripada pesaingnya.

Tidak hairanlah, beliau diiktiraf sebagai salah seorang pemandu yang paling lengkap walau gagal meraih kejuaraan sejak 2006.

Beliau berjaya mencatatkan masa terpanjang 1 minit 32.280 saat semasa ujian di Bahrain lewat Februari, mengatasi masa yang dicatatkan rakan pasukan Kimi Raikonen.

Nico Rosberg, 28 tahun

Jerman, Mercedes
Perlumbaan: 147, sejak 2006
Menang: 3
Kejuaraan dunia: 0
Musim lalu: 6



Nama Rosberg mungkin kurang terkenal berbanding pemandu lain di senarai ini tetapi beliau telah menjadi antara pilihan awal untuk menjadi antara pesaing utama Vettel.

Rosberg disifatkan sebagai pemandu cerdik dan kemas mengikut garisan lumba – sesuatu tuntutan yang dijangka memainkan peranan tambahan musim ini.

Kimi Raikonen, 34 tahun

Finland, Ferrari
Perlumbaan: 193, sejak 2001
Kejuaraan dunia: 2007
Musim lalu: 5



Pemandu 'beku' yang bersifat tenang dan tidak terjejas oleh sebarang gangguan luar semasa perlumbaan ini kembali kepada

Ferrari setelah merantau ke Lotus musim lalu.

Amat menarik melihat perkembangan hubungannya dengan Alonso, apabila kededua bekas juara dunia ini memandu dan bersaing menjadi pemandu utama di Ferrari.